



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426

ukk@dof.gov.my

<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(131)

SIARAN MEDIA

MALAYSIA TUAN RUMAH MESYUARAT ASWGFi, AFCF DAN ASA 2024

GEORGETOWN, 5 JULAI 2024 – 14th ASEAN Shrimp Alliance (ASA), 16th ASEAN Fisheries Consultative Forum (AFCF) dan 32nd ASEAN Sectoral Working Group on Fisheries (ASWGFi) melabuhkan tirainya setelah lima hari penganjurannya yang bermula dari 1 hingga 5 Julai 2024 di Pulau Pinang.

Malaysia pada tahun ini menjadi tuan rumah dan penganjurannya diuruskan sepenuhnya oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF). Mesyuarat melibatkan 70 orang peserta serta delegasi agensi dan jabatan dari Negara Ahli ASEAN yang bertanggungjawab terhadap pengurusan perikanan dan akuakultur. Di samping itu, ia turut dihadiri oleh rakan dialog antarabangsa ASEAN iaitu *Southeast Asia Fisheries Development Centre (SEAFDEC)*, *Japan International Cooperation Agency (JICA)*, *United States Agency for International Development (USAID)*, *United Nations Industrial Development Organization (UNIDO)* dan sebagainya sebagai rakan dialog serta urus setia daripada ASEAN Sekretariat.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Puan Yeo Moi Eim, Pengarah Kanan Bahagian Biosecuriti Perikanan, DOF bagi Mesyuarat 16th AFCF dan 32nd ASWGFi. Manakala penggerusi bagi 14th ASA adalah negara Thailand. Delegasi Malaysia dari DOF telah diketuai oleh Encik Nazri Ishak, Pengarah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik, Dato Azahari Othman, Pengarah Kanan Bahagian Akuakultur, Dr. Azhar Hamzah, Pengarah Kanan Institut Penyelidikan Perikanan, Encik Abd Haris Hilmi Ahmad Arshad, Chief MFRDMD / SEAFDEC, Haji Bakri Miswan, Timbalan Pengarah Bahagian Sumber Perikanan Tangkapan, Encik Sukri bin Deris, Timbalan Pengarah Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan dan Cik Zarina Zainuddin, Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang.

Mesyuarat ini merupakan platform kepada negara-negara ahli ASEAN untuk berkongsi maklumat serta bertukar pandangan mengenai usaha-usaha dalam pengurusan sumber dan industri perikanan terutamanya perikanan tradisional dan berskala kecil, pembangunan industri akuakultur, menangani isu perikanan tidak sah atau tidak dilaporkan yang tidak dikawalselia (*Illegal, Unreported and Unregulated Fishing*).



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION



Dalam mesyuarat ini juga turut dibincangkan langkah-langkah menangani cabaran perubahan iklim serta inisiatif baharu di bawah ASEAN iaitu ASEAN *Carbon Neutrality Strategy* iaitu berkaitan perkembangan program dan projek di bawah jaringan kerjasama.

Selain itu, mesyuarat pada kali ini juga memberi tumpuan membincangkan impak penguatkuasaan *US Marine Mammal Protection Act* (MMPA) kepada negara ASEAN serta keperluan oleh negara ahli ASEAN untuk mematuhi akta ini terutamanya penggunaan kapasiti teknikal.

Dalam pada masa yang sama, Sekretariat SEAFDEC dan Sekretariat ASEAN juga mengambil peluang bagi memaklumkan ahli-ahli mesyuarat mengenai usaha-usaha di peringkat serantau untuk meningkatkan kapasiti Negara Ahli ASEAN dalam pengurusan perikanan, pembangunan akuakultur dan lain-lain inisiatif yang berkaitan.

Mesyuarat ini juga memberi peluang negara Ahli ASEAN untuk memaklumkan keperluan untuk meningkatkan lagi keupayaan masing-masing kepada Sekretariat ASEAN dan Sekretariat SEAFDEC.

ASWGFi telah diwujudkan di bawah ASEAN *Ministers of Agriculture and Forestry* (AMAF) pada tahun 1992 adalah berfungsi untuk membincangkan isu-isu semasa perikanan, status kemajuan projek kerjasama yang dilaksanakan oleh negara ahli ASEAN dan mengukuhkan kerjasama ASEAN dengan rakan dialog berteraskan Pelan Strategik Tindakan Kerjasama ASEAN Mengenai Perikanan 2021-2025. Berdasarkan pelan strategik tersebut ia memberi penumpuan ke arah meningkatkan pengeluaran perikanan menggunakan teknologi yang mampan, memastikan keterjaminan dan keselamatan makanan, meningkatkan perdagangan dan akses pasaran serta mengukuhkan pendekatan bersama mengenai isu antarabangsa dan serantau yang melibatkan sektor perikanan berdasarkan semangat perpaduan ASEAN.

ASA menyediakan platform untuk sektor kerajaan dan swasta untuk membincangkan isu-isu yang mempengaruhi pengeluaran dan perdagangan udang seperti penyakit, amalan baik akuakultur, akses pasaran dan sebagainya. Manakala AFCF akan membincangkan mengenai pengurusan dan pembangunan sumber perikanan di antara negara ahli ASEAN.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my

5 Julai 2024